

DD42

U B973 DEB
MAHATHIR - EKONOMI

ALOR SETAR, 9 APRIL (BERNAMA) -- UMNO HARUS MENERUSKAN USAHA MEMPERJUANGKAN KEPENTINGAN EKONOMI SEMUA ANGGOTANYA, KATA PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD.

KATANYA, SETIAP ANGGOTA PARTI HARUS BERSYUKUR KERANA UMNO SEMAKIN HARI SEMAKIN KUKUH, TERMASUK DARIPADA ASPEK EKONOMI YANG DIPERJUANGKAN SELAMA INI.

+WALAU BAGAIMANAPUN, KITA TIDAK HARUS LUPA MEMPERJUANGKAN KEPENTINGAN EKONOMI SEMUA LAPISAN ANGGOTA, TERUTAMA ANGGOTA-ANGGOTA UMNO DI LUAR BANDAR,+ KATA DATUK SERI DR MAHATHIR YANG JUGA PRESIDEN UMNO DALAM PERUTUSANNYA PADA BUKU CENDERAMATA KONVENSyen UMNO KEDAH.

LEBIH 1,000 ORANG ANGGOTA UMNO KEDAH AKAN MENGHADIRI KONVENSyen SEHARI SUNTUK ITU YANG AKAN DIADAKAN DI BANGUNAN TUNKU DI SINI SABTU INI. IA AKAN DIRASMIKAN OLEH DATUK SERI DR MAHATHIR SENDIRI.

PRESIDEN UMNO BERHARAP KONVENSyen ITU AKAN DAPAT MENGELUARKAN IDEA-IDEA BARU BAGI MENINGKATKAN TARAF HIDUP DAN KEDUDUKAN EKONOMI ANGGOTA PARTI DI KEDAH DAN JUGA SELURUH NEGARA. -- LAGI
1507MST 09 04 87

DD43

U B974 DEB
MAHATHIR - EKONOMI 2 ALOR SETAR

MENTERI BESAR, DATUK SERI HAJI OSMAN AROFF, DALAM PERUTUSANNYA PULA BERKATA PARA PESERTA KONVENSEYN AKAN DAPAT MEMBERI SUMBANGAN FIKIRAN YANG POSITIF UNTUK DIJADIKAN ASAS KEPADA UMNO MENERUSKAN PERJUANGAN DEMI KESTABILAN POLITIK, EKONOMI DAN KESELAMATAN NEGARA.

BELIAU, YANG JUGA KETUA PERHUBUNGAN UMNO NEGERI, BERHARAP MELALUI IDEA-IDEA YANG BERNAS PADA KONVENSyen ITU IA AKAN DAPAT MEMANTAPKAN LAGI PERJUANGAN UMNO UNTUK BANGSA, AGAMA DAN NUSA.

DUA KERTAS KERJA, SATU OLEH MENTERI PELAJARAN, ENCIK ANWAR IBRAHIM, BERTAJUK +PERJUANGAN UMNO DAN ISLAM KE ARAH TAHUN 2,000+ DAN +POLITIK DAN EKONOMI MELAYU DALAM SUASANA MASYARAKAT SEMASA+ OLEH MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN, DATUK ABU HASSAN OMAR, AKAN DIBENTANGKAN DAN DIBINCANG DALAM KONVENSyen ITU. -- BERNAMA
1508MST 09 04 87